

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

### DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI**  
**KAWASAN : SIPITANG**  
**TARIKH : 20.3.2014 (KHAMIS)**  
**NO. SOALAN : 47**

Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan bagaimana harapan Malaysia berhubung rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan bila ia dijangka dapat dimuktamadkan dan sejauh mana jaminan terhadap kepentingan Bumiputra serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

### JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Keputusan Kerajaan untuk menyertai rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) telah dibuat berdasarkan fakta iaitu kebergantungan ekonomi negara kepada perdagangan antarabangsa. Kerajaan menjangka dengan TPPA, komuniti perniagaan dan sektor pembuatan negara akan memperoleh akses pasaran bebas cukai sebesar 800 juta orang dengan gabungan KDNK yang sejumlah AS\$27.5 trillion. Secara langsung, ia menyediakan pasaran global yang lebih besar kepada produk-produk tempatan serta peluang yang lebih besar kepada peniaga tempatan untuk memasarkan produk-produk mereka ke pasaran TPPA. Pembukaan pasaran baharu bersama akses pasaran yang tinggi turut mewujudkan peluang-peluang baharu dalam jaringan rangkaian pembekalan (supply chain network) bagi bahan/perkhidmatan sokongan pembuatan untuk menjadikan barangan/produk buatan Malaysia lebih berkualiti, serta mampu berdaya saing di pasaran

antarabangsa. Dengan keanggotaan TPPA, Malaysia dapat menjamin akses pasaran berkeutamaan ke negara-negara TPPA dimana penghapusan duti dibawah TPPA adalah kekal dan terjamin.

Tuan Yang Di Pertua,

Seperti yang dimaklumkan dalam sesi-sesi perbincangan dan konsultasi berterusan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Mesyuarat Menteri-Menteri TPPA yang diadakan di Singapura pada 25-26 Februari 2014 masih belum mencapai kata putus dan persetujuan mengenai isu-isu sensitif. Semua mengambil maklum bahawa sasaran awal memuktamadkan rundingan pada hujung tahun 2013 tidak dicapai dan tiada sasaran baharu yang ditetapkan.

Tuan Yang Di Pertua,

Mengenai jaminan terhadap kepentingan Bumiputra serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), Kerajaan sedar bahawa TPPA akan menguji kemampuan dan kesediaan perniagaan tempatan untuk bersaing. Adalah menjadi salah satu agenda utama Kerajaan untuk menyediakan kemudahan Bina Upaya kepada usahawan tempatan melalui agensi-agensi seperti SME Corp, MATRADE dalam memastikan usahawan dan peniaga tempatan tidak terpinggir daripada persaingan, termasuk persaingan yang diakibatkan TPPA dan perjanjian perdagangan bebas yang lain. Bantuan disediakan dalam pelbagai program khusus yang tertumpu kepada pematuhan kepada pensijilan dan piawaian antarabangsa, automasi dan pemodenan operasi perniagaan, peningkatan kualiti serta kemahiran pemasaran, penjenamaan dan pengiktirafan produk dan perkhidmatan, serta pembiayaan untuk eksport.

Isu Kerjasama dan Bina Upaya telah diberi perhatian yang tinggi dalam TPPA oleh semua ahli anggota rundingan TPPA dan ini terbukti dengan terdapatnya Bab khusus mengenai SME di dalam TPPA. Ini merupakan FTA yang pertama di dunia yang memperuntukan Bab khusus mengenai SME.